

Hartawan Indonesia beri biasiswa SMU bernilai \$1 juta

HARTAWAN Indonesia yang juga penggerusi Mayapada Group, Dr Tahir, mengumumkan akan menubuhkan biasiswa \$1 juta bagi membantu warga Singapura berpendapatan rendah meneruskan pengajian di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Biasiswa itu merupakan sumbangan tambahan kepada \$1 juta yang didermakan ahli perbankan berusia 62 tahun itu kepada SMU bagi menubuhkan biasiswa bagi pelajar Indonesia.

Biasiswa Tahir Indonesia akan dianugerahkan kepada seorang siswazah setiap tahun dan sah bagi tempoh empat tahun.

“Pendidikan boleh mewakili pembangunan sebuah negara. Saya begitu menghargai pemerintah Singapura kerana saya sendiri

lulusan dari Singapura, dari Universiti Nanyang,” kata Dr Tahir pada majlis menandatangani Biasiswa Tahir Indonesia dengan Presiden SMU, Profesor Arnoud De Meyer.

“Jumlah \$1 juta ini bagi rakyat Indonesia tetapi saya tidak mahu mementingkan diri sendiri dan berfikiran sempit. Lantas, saya ingin mendermakan \$1 juta lagi kepada SMU bagi pelajar Singapura,” kata Dr Tahir kepada pemberita sewaktu majlis semalam.

Pelajar akauntan tahun pertama, Cik Ratna Sari Dessy, 20 tahun, mengetahui minggu lalu bahawa beliau merupakan penerima pertama Biasiswa Tahir Indonesia.

“Saya benar-benar terkejut, gembira dan rasa diberkati,” kata lulusan Maktab Rendah Jurong itu semalam.

“Selama ini, ibulah yang menyokong saya sejak bapa saya meninggal dunia pada usia 10 tahun,” jelasnya lagi.

Ketika diminta mengulas, Profesor De Meyer berkata beliau gembira kerana Dr Tahir berkongsi visi dan misi SMU.

“Kemurahan hati penderma seperti Dr Tahir telah menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan SMU.

“Kami begitu teruja kerana Dr Tahir berkongsi kepercayaan yang sama bahawa pedagogi SMU boleh membawa perbezaan kepada pendidikan pengajian tinggi dan pendekatan unik kami dalam membimbing pelajar bagi menjadi individu yang lebih yakin, dinamik dan mempunyai kesedaran sosial,” katanya.